

TARIKH: 7/1/2023  
SURAT KHABAR: KOSMO  
MUKA SURAT: 7

## Percepat kemasukan pekerja asing bantu ekonomi negara

**PETALING JAYA** – Langkah kerajaan mahu mempercepatkan proses pengambilan pekerja asing kepada 30 hari melegakan golongan majikan di negara ini.

Presiden Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF), Datuk Dr. Syed Hussain Syed Husman berkata, polisi tersebut akan mengakhiri isu kekurangan pekerja asing sejak tiga tahun lalu.

“MEF berharap polisi baharu ini akan dilaksanakan secepat mungkin supaya usaha majikan untuk memulihkan perniagaan kembali ke landasan.

“Negara akan berada pada momentum yang tepat mencapai sasaran pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) antara empat dan lima peratus tahun ini.

“Membantu Malaysia menjadi lebih kompetitif dan meningkatkan kedudukan dalam Indeks Daya Saing IMD di mana Malaysia pada tahun 2022 pada kedudukan 32 daripada 64 buah negara,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Kelmarin Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail memaklumkan, majikan di Malaysia yang amat memerlukan tenaga kerja asing dijangka dapat menikmati proses pengambilan lebih pantas den-



**GAMBAR** fail pekerja asing yang masuk ke negara ini mendaftar untuk suntikan vaksinasi Covid-19 pada tahun 2021.

gan sasaran tempoh cuma 30 hari.

Dalam pada itu, Syed Hussain berkata, MEF kekal berpendirian bahawa sebuah pusat pengambilan pekerja asing harus diletakkan dibawah Kementerian Sumber Manusia.

Bagaimanapun, jelasnya, MEF menerima keputusan kerajaan iaitu Kementerian Dalam Negeri yang akan mengetuai penguru-

san pekerja asing.

“MEF berharap proses untuk membawa masuk pekerja asing lebih efisien dan lancar tanpa sebarang penangguhan dan kos yang tinggi.

“MEF berharap Kerajaan Perpaduan dan Kabinet baharu akan bekerja sebagai sebuah pasukan untuk memastikan golongan majikan tidak menderita akibat yang sama,” katanya.



**SIVAKUMAR** (tengah) ketika hadir Majlis Amanat Tahun Baharu di KSM, Putrajaya semalam.

## SPKM sebagai persijilan tunggal TVET negara

**PUTRAJAYA** – Kementerian Sumber Manusia (KSM) mencadangkan agar Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) berasaskan Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan ditetapkan sebagai persijilan tunggal Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Menurut Menteri Sumber Manusia, V. Sivakumar berkata, ia dicadangkan dilaksanakan bagi semua program Tahap 1 hingga 5 dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).

Katanya, kecelaruan pelaksanaan TVET di negara ini dilihat berpunca daripada kewujudan pelbagai persijilan yang diakreditasi oleh dua agensi kawal selia iaitu Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Agensi Kelayakan Malaysia

(MQA).

Susulan itu, katanya, penyegeragaman program TVET berasaskan SPKM itu bakal menjadi satu wadah baharu dalam memperkasakan TVET negara.

“Sebagai penyedia, Jabatan Tenaga Manusia (JTM) perlu menilai semula kursus-kursus yang ditawarkan agar ia menepati keperluan semasa industri supaya tidak wujud sindrom ‘mismatch’.

“Kursus-kursus yang ditawarkan perlu ditambah baik dengan elemen-elemen digitalisasi, automasi dan lain-lain yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0,” katanya pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KSM di sini semalam.

Dalam pada itu, beliau berkata, KSM akan memartabatkan imej TVET negara.